

21 JUL 1997

PERAK TANAM LEBIH 18,000 POKOK SEJAK MAC

IPOH, 21 Julai (Bernama) -- Lebih Sebanyak 18,400 batang pokok telah ditanam di seluruh negeri sejak kempen menanam pokok dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mac lepas.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata, sejak kempen itu dilancarkan kerajaan negeri telah mengeluarkan arahan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), jabatan kerajaan, badan berkanun dan pertubuhan sukarela di seluruh negeri melaksanakan kerja menanam pokok.

Sebahagian besar jumlah pokok itu ditanam oleh kebanyakan agensi kerajaan, katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat pembangunan negeri di pejabatnya di sini hari ini.

Katanya, kerajaan negeri menetapkan sasaran untuk menanam 370,000 pokok menjelang tahun 2000 dan berdasarkan jumlah pokok yang ditanam dalam tempoh tiga bulan ini, kerajaan yakin sasaran itu dapat dicapai.

Beliau menyeru orang ramai agar turut menyahut kempen berkenaan bagi mencapai matlamatnya dan berharap sebanyak 50,000 batang pokok dapat ditanam di seluruh negeri sehingga penghujung tahun ini.

Orang ramai dan pertubuhan sukarela yang menanam pokok perlu membuat laporan kepada PBT bagi membolehkan jumlah pokok yang ditanam itu direkodkan, katanya.

Katanya, terdapat 20 jenis pokok yang ditanam termasuk jati, sentang, ipoh, tanjung, kayu manis hutan dan mampari.

Kerja menanam pokok itu dikendalikan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perancang Bandar, katanya.

Mengenai arahan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh agar semua kerajaan negeri membuat laporan berkenaan kempen itu pada setiap enam bulan, beliau berkata laporan berkenaan sedang disiapkan dan akan diserahkan dalam tempoh itu. -- BERNAMA

RZS NMO